



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur,
MALAYSIA

Tel : 603 8000 8000
Faks (Fax) : 603 6206 4693
Laman Web (Web) : www.miti.gov.my
E-mel (E-mail) : webmiti@miti.gov.my

Ruj. Kami : MITI.100-1/8/1 JLD.2 (51)
Tarikh : 19 Ogos 2020

PUSAT TANGGUNGJAWAB
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

Tuan/Puan,

SURAT EDARAN BAHAGIAN AKAUN BILANGAN 5 TAHUN 2020:

PINDAAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN MAKAN MINUM BAGI
MESYUARAT/ KURSUS/ KERAIAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)


Saya dengan hormatnya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, surat edaran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) mengenai pindaan kadar perbelanjaan yang ditetapkan dalam garis panduan perbelanjaan makan minum bagi mesyuarat/ kursus/ keraian oleh MITI.
3. Tarikh kuatkuasa pindaan garis panduan ini adalah pada **31 Julai 2020**. Sehubungan itu, Garis Panduan Perbelanjaan Makan Minum Bagi Mesyuarat/ Kursus/ Keraian Ruj: MITI/PK/14/3 bertarikh 5 Julai 2013 adalah terbatal.
4. Sebarang pertanyaan berkaitan surat edaran ini boleh menghubungi pegawai-pegawai di Seksyen Perundingan dan Pemantauan, Bahagian Akaun MITI di talian 03-6208 4901 / 4920/ 4609/ 4912 atau emel kepada perunding.akaun@miti.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of stylized loops and a horizontal line, positioned above the printed name.

MOHD AZIZI BIN MOHD ASPAR C.A.(M), CPA (AUST.)
Pengarah Bahagian Akaun
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan industri

s.k :

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ketua Unit Audit Dalam

Pengarah Pentadbiran

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Bahagian Kewangan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri
Aras 24, Menara MITI, No. 7
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur
2. Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia
Aras 4-7, Tower 2, Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
3. Pengarah
Pejabat MITI Wilayah Pahang,
Suite 8, Tingkat 9, Kompleks Teruntum,
Jalan Mahkota, Peti Surat 74,
25000 KUANTAN, PAHANG
4. Pengarah
Pejabat MITI Wilayah Perak,
Aras 4, Perak Techno Trade Centre (PTTC),
Bandar Meru Raya off Jalan Jelapang,
Peti Surat 210,
30720 IPOH, PERAK
5. Pengarah
Pejabat MITI Wilayah Johor,
Aras 13, Lot 1-4, Bangunan TH (Tabung Haji),
Jalan Ayer Molek,
80000 JOHOR BAHRU
6. Pengarah
Pejabat MITI Wilayah Kelantan,
Aras 3 Kanan, Wisma PERKESO,
Jalan Kota Darul Naim,
15538 KOTA BHARU, KELANTAN
7. Pengarah
Pejabat MITI Wilayah Pulau Pinang,
Pulau Pinang Regional Office, Tingkat 8,
Bangunan Tuanku Syed Putra,
10300 Pulau Pinang.

8. Pengarah
Pejabat MITI Wilayah Sabah
Tingkat 3, Blok D,
Bangunan KWSP
88688 Kota Kinabalu, Sabah
9. Pengarah
Pejabat MITI Wilayah Sarawak,
Tingkat 3, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Satok,
93400 Kuching, Sarawak

MINIT CERAIAN

PINDAAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN MAKAN MINUM BAGI MESYUARAT/ KURSUS/ KERAIAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

1. TUJUAN

- 1.1 Pindaan adalah bertujuan untuk memastikan kadar makan minum adalah bersesuaian dengan harga semasa yang ditawarkan oleh pembekal-pembekal dalam ePerolehan.
- 1.2 Garis panduan yang dikeluarkan oleh MITI adalah sebagai langkah kawalan dalaman selaras dengan dasar penjimatan kerajaan.
- 1.3 Memastikan semua bahagian mematuhi kadar perbelanjaan makan minum yang telah ditetapkan bagi mesyuarat/ kursus/ keraian yang dijalankan di MITI/ premis luar/ hotel.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kertas ini disediakan bagi mendapatkan kelulusan untuk meminda kadar perbelanjaan yang ditetapkan dalam garis panduan perbelanjaan makan minum bagi mesyuarat/ kursus/ keraian oleh MITI yang berkuatkuasa 1 Julai 2013. Pindaan dibuat adalah berdasarkan harga semasa yang ditawarkan oleh pembekal dan kelulusan Panel Penilai Pelaksanaan Perolehan Perkhidmatan Pembekalan Makanan Dan Minuman Bagi Mesyuarat Dalaman MITI.

3. RUJUKAN

- 3.1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP5.1 Peraturan Mengenai Keraian Rasmi.

- 3.2 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP5.2 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam yang Bersara.
- 3.3 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP5.2 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi.
- 3.4 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP1.10 Kadar Dan Syarat Tuntutan, Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus Kecuali kursus Pra-Perkhidmatan.
- 3.5 Minit Ceraian Pelaksanaan Perolehan Perkhidmatan Pembekalan Makanan Dan Minuman Bagi Mesyuarat Dalaman MITI bertarikh 20 Julai 2020.

4. CADANGAN PINDAAN

- 4.1 Sehubungan itu, Bahagian Akaun mengesyorkan kadar perbelanjaan makan dan minum maksima yang dipinda mengikut pengerusi adalah seperti berikut:

4.1.1 Y.B. Menteri (YBM)

Bil.	Perkara	KADAR SEDIA ADA		KADAR BARU	
		MITI / Premis Luar	Hotel	MITI / Premis Luar	Hotel
		RM			
1.	Makan Pagi	50.00	75.00	Dikekalkan	
2.	Makan Tengahari	85.00	120.00		
3.	Minum Petang	50.00	75.00		
4.	Makan Malam	100.00	150.00		
Kadar Maksima mengikut pekeliling		RM123.00 sehari			

4.1.2 Y.B. Timbalan Menteri (YBTM)

Bil.	Perkara	KADAR SEDIA ADA		KADAR BARU	
		MITI/Premis Luar	Hotel	MITI/Premis Luar	Hotel
		RM			
1.	Makan Pagi	40.00	65.00	Dikekalkan	
2.	Makan Tengahari	80.00	100.00		
3.	Minum Petang	40.00	65.00		
4.	Makan Malam	90.00	120.00		
Kadar Maksima mengikut pekeliling		RM123.00 sehari			

4.1.3 Ketua Setiausaha (KSU)

Bil.	Perkara	KADAR SEDIA ADA		KADAR BARU	
		MITI/Premis Luar	Hotel	MITI/Premis Luar	Hotel
		RM			
1.	Makan Pagi	8.00	8.00	10.00	20.00
2.	Makan Tengahari	35.00	50.00	35.00	50.00
3.	Minum Petang	8.00	8.00	12.00	20.00
4.	Makan Malam	50.00	65.00	50.00	65.00
Kadar Maksima mengikut pekeliling		RM123.00 sehari			

4.1.4 Selain daripada para 4.1.1, 4.1.2 dan 4.1.3

Bil.	Perkara	KADAR SEDIA ADA MITI/Premis Luar (RM)	KADAR BARU MITI/Premis Luar (RM)
1.	Makan Pagi	8.00	8.00
2.	Makan Tengahari	15.00	15.00
3.	Minum Petang	8.00	10.00
4.	Makan Malam	15.00	15.00

4.2 Walau bagaimanapun, kadar jamuan bagi majlis rasmi yang telah ditetapkan kadarnya seperti di para 3.2 dan 3.3 adalah tidak tertakluk kepada kadar perbelanjaan seperti di para 4.1

4.3 Kelulusan KSU atau Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan (PKKP) perlu diperolehi sekiranya kadar penempahan makan dan minum melebihi kadar yang ditetapkan pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun lebihan tersebut tidak dibenarkan melebihi daripada had maksima yang ditetapkan oleh pekeliling-pekeliling yang berkaitan.

4.4 Makan tengahari boleh disediakan bagi mesyuarat yang diadakan berterusan dari pagi hingga petang dan mesyuarat yang melibatkan orang luar yang berlanjutan sehingga waktu malam.


4.5 Perbelanjaan penyediaan makan dan minum hendaklah menggunakan Pesanan Tempatan (LO) yang perlu dikeluarkan sebelum tarikh mesyuarat/ kursus/ keraian diadakan mengikut bilangan keahlian.

5. Cadangan di perenggan 4 dipanjangkan untuk pertimbangan Y.Bhg. Dato' KSU jua.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD AZIZI MOHD ASPAR C.A.(M), CPA (AUST.)

Pengarah

Bahagian Akaun

Rujukan : MITI.100 – 1/8/1 Jld. 2 ()


Tarikh : 27 Julai 2020

6. **KEPUTUSAN PEGAWAI PENGAWAL**

Saya bersetuju / ~~tidak bersetuju~~ dengan PINDAAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN MAKAN MINUM BAGI MESYUARAT/ KURSUS/ KERAIAAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI).

Ulasan :

.....



.....
(DATO' LOKMAN HAKIM ALI)
Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri

Tarikh : 30 Julai 2020